

## KEBERKESANAN MODEL PRAKTIS STUDIO SERAMIK TERHADAP PELAJAR SENI BAGI KURSUS MSK 3042 BERASASKAN KONSEP RUPA DAN JIWA

*The Effectiveness of the Ceramic Studio Practice Model on Art Students of Subject MSK 3042  
Based on the Concept of form & Soul*

**Muhammad Safwan Mohd Shariff<sup>1</sup>, Harozila Ramli<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA  
muhammadsafwanshariff5037@gmail.com<sup>1</sup>, harozila@fskik.upsi.edu.my<sup>2</sup>

**Published:** 31 December 2023

**To cite this article (APA):** Mohd Shariff, M. S., & Ramli, H. (2023). Keberkesanan Model Praktis Studio Seramik terhadap Pelajar Seni bagi Kursus MSK 3042 berdasarkan Konsep Rupa dan Jiwa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(2), 40–47. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.4.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.4.2023>

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan keberkesanan model praktis studio seramik (MPSS) terhadap pelajar seni MSK 3042 di Universiti Pendidikan Sultan Idris berdasarkan konsep rupa dan jiwa. Kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan MPSS terhadap penghasilan produk kreatif kraf seramik berlandaskan konsep jiwa dan rupa. Keberkesanan MPSS dapat dilihat melalui pembentukan kreatif pelajar seni semasa MPSS dijalankan dengan berorientasikan penggunaan tanah liat sebagai medium utama berasaskan penerapan konsep rupa dan jiwa. Penilaian ini dinilai daripada awal permulaan sehingga akhir proses berdasarkan jadual mingguan selama 14 minggu (2jam seminggu persamaan 28jam bagi 14 minggu). Pemerhatian bermula dari peringkat penerokaan, praktis, teknik, aplikasi dan produk dalam penghasilan produk kreatif kraf seramik. Namun begitu hasil yang ditunjukkan bergantung kepada disiplin dan tertib dalam kalangan pelajar seni MSK 3042 berdasarkan MPSS. Selain itu, pengaplikasian dan pengadaptasian reka bentuk berdasarkan penerapan rupa dan jiwa terhadap penggunaan teknik asas seramik yang merangkumi estetika, penerapan, penyatuhan dan keindahan. Dapatkan kajian menunjukkan kadar keberkesanan yang sempurna berdasarkan tugas yang dilaksanakan oleh pelajar seni secara berstruktur dan bersistematis berdasarkan pemantauan setiap 2 minggu sekali sebanyak 7 kali selama 14 minggu iaitu 1 semester. Selain itu, hasil kajian eksperimentasi terhadap teknik asas dalam penghasilan karya kreatif berorientasikan konsep jiwa dan rupa mencapai target yang tinggi serta dapat dikomersilkan secara meluas melalui penggunaan MPSS. Kadar kebolehgunaan MPSS ini boleh digunakan bagi membantu menjadikan ia satu langkah untuk membantu perkembangan penggunaan MPSS secara menyeluruh dan berfokus dalam mengembangkan bakat dikalangan mahasiswa/i.

**Kata kunci:** Keberkesanan, model praktis, eksperimentasi, estetik, keindahan, penerapan, kesatuan

### ABSTRACT

*This study aims to present the effectiveness of the ceramic studio practical model (MPSS) for MSK 3042 art students at Universiti Pendidikan Sultan Idris based on the concept of appearance and soul. This study was conducted to evaluate the effectiveness of MPSS on the production of creative ceramic craft products based on the concept of soul and appearance. The effectiveness of MPSS can be seen through the creative formation of art students when MPSS is conducted by focusing on the use of clay as the main medium based on the application of the concept of appearance and soul. This evaluation is evaluated from the beginning to the end of the process based on a weekly schedule for 14 weeks (2 hours a week equal to 28 hours for 14 weeks). Observation starts from the exploratory, practical, technique,*

*application and product stages in the production of creative ceramic craft products. However, the results shown depend on the discipline and order among the MPSS-based MSK 3042 art students. In addition, the application and adaptation of design based on the application of appearance and soul to the use of basic ceramic techniques that include aesthetics, application, unification and beauty. The findings of the study show a perfect rate of effectiveness based on the tasks carried out by art students in a structured and systematic manner based on monitoring every 2 weeks for 7 times for 14 weeks which is 1 semester. In addition, the results of experimental research on basic techniques in the production of creative works oriented towards the concept of soul and appearance achieve high targets and can be widely commercialized through the use of MPSS. This MPSS usability rate can be used to help make it a step to help the overall development of MPSS use and focus on developing talent among students.*

**Keywords:** Effectiveness, practical model, experimentation, aesthetics, beauty, application, unity

## PENGENALAN

Pengertian 'Rupa dan Jiwa' ini terinspirasi dari sebuah pameran seni rupa di Universiti Malaya pada tahun 1979. Kesan terbesar dalam perkembangan bidang seni rupa negara dan telah mula menjadi titik tolak kepada para seniman, budayawan dan ahli akademik dalam usaha mencari akar tradisi dan jati diri kesenian Melayu. Dalam kajian ini, penekanan diberikan kepada pelajar seni MSK 3042. Bertujuan untuk melahirkan pelajar seni yang berdaya siang dan berkreatif. Kajian ini juga, diadaptasikan melalui penggunaan model praktis stdudio seramik dibawah geran KPT, Tajul 2020. Model praktis studio seramik adalah sebagai panduan untuk memproses tanah liat yang dikitar semula kepada tanah liat alternatif bagi menyumbang kepada sumber baharu dalam penghasilan seramik kontemporari berlandaskan model praktis studio seramik. Menurut Safwan Shariff 2024 model praktis studio seramik adalah salah satu proses yang mampu membentuk kreativiti artistik didalam kalangan pelajar seni dan ia dipetik dalam kajian geran KPT 2020 dibawah kajian Tajul 2020. Melalui pengadaptasian dalam kajian penggunaan MPSS terhadap penghasilan jasad tanah liat alternatif di Cameron Highlands Tajul 2024.Selain itu, penekanan kepada penggunaan kemudahan teknologi kini seperti ICT, teknologi AI dan sebagainya, ia disokong oleh Ramli, Harozil., Said, Tajul Shuhaimi., Hazman, Mohamad NurHanif Bin; Malek, Syamrul Nizam Abdul; Hussin, Ridzuan 2019.


Selain itu, ia diaplikasikan dengan penggunaan teknik asas seramik dalam proses penghasilan produk seni kraf seramik yang baru. Menurut Safwan Shariff 2020, penghasilan seramik kontemporari dapat dihasilkan melalui mendakan tanah lumpur sungai Cameron Highlands. Selain itu, jasad tanah liat juga dapat diaplikasikan dalam penggunaan seramik dengan syarat ia mempunyai kandungan mineral yang sesuai. Tanah liat juga boleh dijadikan sumber bahan untuk menghasilkan seramik kontemporari, Tajul 2004. Selanjutnya, 'Rupa dan Jiwa' dalam ertikata yang lain telah menggerakkan para seniman, budayawan dan ahli akademik dalam bidang seni rupa untuk melestarikan kesenian Melayu dalam konteks jati diri kebangsaan. 'Rupa dan Jiwa' ini hanyalah merupakan catatan kecil seorang pencinta seni. Semoga ianya menjadi jambatan yang dapat menghubungkan jalinan masa silam demi menongkah arus masa hadapan, Mohd Zahamri 2010.Kajian terhadap nilai estetika juga akan diambil kira termasuk reka corak dan ragam hias, Tajul 2007. Nilai estetika juga akan wujud apabila reka corak yang diaplikasikan itu unik dan mempunyai pelbagai kegunaan. Penyatuan, keindahan dan penerapan terhadap karya juga diambil nilai kerana ia merupakan komponen utama dalam konsep rupa dan jiwa.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalah rupa & jiwa dalam penghasilan karya tiada kesudahan sering menjadi isu permasalahan dan tiada kesedaran dalam berkarya. Pada masa kini, isu jati diri, pegangan dan isu bangsa serta negara menjadi polimik utama dalam generasi kini. Sebenarnya, era kini harus memperkuuhkan dan mempertahankan jati diri agar tidak ditelan arus pemodenan. Menurut Halim Husain 2003 dalam suasana moder dan dunia globalisasi hari ini perlu meperkuuhkan jati diri dan mengenal budaya bangsa harus diutamakan bagi memudahkan generasi muda menangani pelbagai isu masalah dalam kehidupan. Jadi dalam kajian ini, mengetengahkan tentang penghasilan karya berasaskan jati diri dengan bereksperimentasi dengan tanah liat alternatif dalam penghasilan karya kreatif dan penghasilan portfolio serta story boards.

Hal ini kerana, setiap penghasilan karya tiada subjek utama, penekanan dan penghasilan tanpa alasan tertentu dan berkaitan. Tiada keseragaman serta kajian dalam penghasilan. Menyebabkan karya tidak bermutu dan tiada nilai. Penghasilan yang ditekankan hanya pada produk tanpa kajian terlebih dahulu. Namun begitu, kajian ini berpandukan kepada model praktis studio seramik yang terdiri daripada eksplorasi, praktis, aplikasi, teknik dan produk. Selain itu ia dilakukan selama 4 minggu sahaja meliputi proses mengenal pasti lokasi tanah liat alternatif, kajian artist dan karya pilihan, lakaran ideas dan perkembangan ideas dan penghasilan karya seramik. Penghasilan ini akan diawasi dan dibimbing oleh penyelidik.

## KAEDAH KAJIAN



Gambar 1: Model Praktis Studio Seramik bersandarkan kepada teori Edmund

Sumber: Diadaptasi Oleh Safwan Shariiff 2020

Kaedah kajian yang digunakan adalah kajian kualitatif berdasarkan kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini, ia terbahagi kepada 3 apek utama sebagai kayu ukur tahap pencapaian. *Portfolio*, hasil dokumentasi penghasilan tanah liat alternatif dan karya final merupakan 3 aspek utama yang dinilai sebagai kriteria kreativiti artistik pelajar terhadap kajian ini. Selain itu, besandarkan kepada fortomonologi kajian terhadap psikoanalisis, humanistik dan konstruktivisme sepanjang kajian ini dijalankan. Proses dan kejayaan pelajar di tentukan berdasarkan produk dan proses yang dihasilkan.

Portfolio mengandungi keseluruhan penceritaan penghasilan karya akhir daripada lakaran, rujukan, perkembangan, olahan dan sebagainya. Dokumentasi adalah bagaimana cara pengaplikasian dan pengadaptasian proses dan gerak kerja dalam penghasilan karya. Manakala karya akhir adalah karya berbentuk 3D yang diaplikasikan kesemuanya dari sudut pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada dan sumbangsaran ideas dalam menghasilkan karya yang lebih kreatif dan menepati piawai yang telah ditetapkan. Adanya panduan dan skop tugas ianya mampu emmudahkan dan membentuk tahap kefahaman yang jelas serta mampu melahirkan pemikiran kreatif dan inovatif. Penerapan rupa jiwa ini ditekankan dan didebak pada peringkat awal peserta dan pelajar mempelajari.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian, penyelidik berjaya mengenalpasti keberkesanan model praktis studio seramik dalam kajian yang dijalankan selama 14 minggu terhadap pelajar seni MSK 3042. Pembentukan kreativiti

artistik ini berjaya mendorong dan membentuk minat kalangan pelajar seni terhadap pengguna konsep rupa dan jiwa terhadap penghasilan seramik kontemporari berasaskan model praktis studio seramik. Kejayaan dalam kajian ini telah membuktikan bahawa nilai estetika, penerapan, keindahan dan penyatuhan dalam rupa dan jiwa telah terlahir kembali melalui dorongan dan panduan khusus bersandarkan model yang disediakan. Tujuannya adalah untuk memastikan pelajar menghasilkan karya dan proses gerak kerja memenuhi cita rasa dan menanam nilai kasih saying dalam penghasilan karya. Tanpa jiwa dan rupa sesuatu karya yang dihasilkan tiada jiwa dan ianya tidak akan menarik serta memberi ksan kepada audien. Peranan kefahaman dan tahap pembelajaran secara ilmiah dan praktis juga penting bagi memastikan rasa dan kepuasan pada penghasilan karya itu wujud. Hal ini kerana ianya memberi kesan kepada yang mengamati dan menghayati setiap hasil produk yang dihasilkan.



**Gambar 2:** Kejayaan pelajar seni menemui lokasi tanah liat alternatif di Sungai Rejang Kanowit Sarawak

*Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2020*

Berdasarkan gambar diatas, pelajar seni berjaya membuktikan bahawa beliau memahami prosedur gerak kerja dalam model praktis studio seramik dengan betul. Berdasarkan pengamatan dan pengajian secara terperinci pelajar seni ini didapati membuat kajian penyelidikan bagi mengenalpastim lokasi dan ciri-ciri tanah liat alternatif bersandarkan model praktis studio seramik sebelum melaksanakan pencarian tanah liat alternatif. Penemuan lokasi tanah liat alternatif ini terbukti diperolehi di kawasan sekitar kediaman pelajar seni berdasarkan penelitian dan kajian terhadap kadar keplastikan dalam bentuk rekod dan pendokumentasian. Penemuan di peringkat eksplorasi ini telah memberi titik mula dalam penemuan kearah kefahaman tentang tanah liat secara konvensional berlandaskan keberkesanan model praktis studio seramik. Pengujian kadar keplastikan juga berjaya diaplikasikan melalui pengujian dalam bentuk “ring”.




**Gambar 2:** Penghasilan Portfolio kreatif

*Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2023*

Seterusnya, antara pelajar seni yang berjaya menghasilkan rekacorak portfolio dengan baik dan kreatif. Penerapan dan kefahaman yang merangkumi nilai estetika, keindahan, penerapan dan kesatuhan ini telah memberi satu impak penting kepada pelajar seni untuk menghasilkan muka depan *portfolio* dan pengisian dengan unik dan mengikut keinginan berdasarkan rupa dan jiwa yang betul. Penerapan secara tuntas berkaitan skop kajian dan penyelidikan membuatkan pelajar seni berjaya menimbulkan dan melahirkan

minat yang mendalam dalam kajian yang dijalankan. Keberkesanan dapat dilihat daripada hasil yang ditunjukan dan didokumentasi serta sesi bersoal jawab di dalam kuliah.



**Gambar 3:** Penghasilan *Story Board* oleh Pelajar Seni

*Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2024*

Pelajar berjaya melaksanakan proses pengaplikasian grafik dan mereka corak dalam penghasilan *study board*. Dimana penghasilan ini menerapkan gabungan artist rujukan, karya rujukan, lakaran, pilihan lakaran dan perkembangan ideas dalam kajian dihasilkan secara terperinci. Pemahaman dan penerapan konsep rupa jiwa telah membawa hasil yang baik dapat dilihat melalui penghasilan yang dihasilkan. Penggunaan taipografi dan susunan juga berjaya mewujudkan teknik yang kreatif dan mudah difahami.



Gambar 3: Penghasilan karya kreatif Seramik

**Sumber:** Muhammad Safwan Mohd Shariff (Alexander) 2020

Berdasarkan gambar rajah diatas, peserta mula menghasilkan karya dengan membina bahagian tapak dahulu dengan kemas dan *details*. Masa yang diambil berdasarkan keadaan dan kelembapan tanah liat alternatif tersebut dan semasa penghasilan pelajar harus memberi fokus dan perhatian yang sesungguhnya. Hal ini kerana, tanah mempunyai sifat dan kelemahan dan kekuatan yang patut difahami oleh pelajar seni itu

sendiri. Pelajar ini menggunakan kaedah *cut* iaitu kaedah cantuman pada badan karya yang dibahagi kepada 2 bahagian. Bertujuan untuk mempercepatkan proses penghasilan karya. Pelajar seni ini mengasingkan bahagian badan karya, setelah ia sesuai untuk dicantum, pelajar gam tanah liat (slip). Kekemasan dan ketelitian amat dititikberatkan dalam proses penghasilan karya.



**Gambar 4:** Kekemasan dan penelitian terhadap proses penghasilan 2D kepada 3D

*Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2020*

Berdasarkan gambar diatas, ianya dapat dilihat ketekunan peserta dalam menghasilkan karya yang asalnya daripada bentuk 2D kepada 3D. Pengamatan dan penelitian terhadap proses yang dilaksanakan membuktikan bahawa keberkesan model praktis studio seramik dapat difahami dan diikuti oleh pelajar seni dengan mengutamakan keberhasilan dalam penghasilan beradaptasi konsep rupa dan jiwa dalam penghasilan karya. Penyatuan yang dapat dilihat dalam gambar diatas menunjukkan tahap pengamatan dan penerapan penggunaan teknik dan subjek matter telah membuktikan bahawa pelajar seni ini berjaya mewujudkan nilai estetika melalui penghasilan ukiran dan reka corak pada badan tembikar kontemporari yang dihasilkan. Pengaplikasian reka corak ini membuktikan tahap kesabaran dan disiplin pelajar seni ini sangat berwibawa dan positif.



**Gambar 5:** Karya Kreatif Seramik Kontemporari

*Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2020*

Berdasarkan pengamatan gambar diatas, pelajar seni berjaya membuktikan kebolehan dalam penghasilan karya seni kreatif seramik berasaskan model praktis studio seramik. Selain itu, terdapat penggunaan gabungan teknik asas dalam penghasilan karya kreatif yang berjaya menerapkan rupa jiwa dalam penghasilan karya yang unik dan menarik serta emmehami konsep dengan baik. Keberanian pelajar seni dalam mengaplikasikan penggunaan warna arkrilik dalam pewarnaan seramik sebagai alat alternatif. Penggunaan warna dan rekacorak menampakkan keunikan dan kefahaman dalam penerapan konsep jiwa rupa sekaligus kejayaan dalam pengadaptasian lakukan 2D kepada 3D. Kerjayaan yang ditunjukkan oleh peserta ini dapat disimpulkan bahawa teknik kemahiran tangan mampu di adaptasikan dan diaplikasikan

dengan baik sekiranya prosedur khusus yang boleh membimbing dan mendorong dalam sesuatu penghasilan karya.



**Gambar 6:** Karya Kreatif Berdasarkan Penerapan Konsep Rupa & Jiwa

*Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2023*

Karya di atas menunjukkan tahap kefahaman pelajar seni dalam mereka bentuk dan membuktikan bahawa penghasilan dan penerapan konsep rupa dan jiwa tercapai. Ia berjaya mewujudkan nilai estetika dan penyatuan yang tinggi dalam penghasilkan karya yang mempunyai nilai keindahan dan penerapan yang cemerlang terhadap rupa dan jiwa berdasarkan model praktis studio seramik yang dijalani oleh pelajar seni MSK 3042. Kerjayaan ini menunjukkan model praktis studio seramik dapat diaplikasikan secara meluas dan berkesan untuk dijadikan sebagai panduan dalam bidang seni. Selain itu, menunjukkan pelajar memahami dan mula menerapkan konsep rupa dan jiwa dalam produktiviti dan penghasilan. Penghasilan dengan penghayatan rupa dan jiwa mewujudkan satu sudut pandangan indah dan estetik pada setiap sentuhan dan kekemasan.

## RUMUSAN

Secara keseluruhan, kajian keberkesanan model praktis studio seramik terhadap pelajar seni msk 3042 universiti pendidikan sultan idris berdasarkan konsep rupa & jiwa berjaya diadaptasikan secara tuntas. Hasil daptan menunjukkan teknik yang diaplikasikan oleh pelajar seni amat kemas dan teliti mengikut pilihan yang diberikan. Reka corak dan pengamatan melalui model praktis studio seramik berkesan terbukti pada penghasilan lakaran ideas dan 3D yang dihasilkan. Selain itu, buktinya peserta berjaya menghasilkan karya seni kreatif berdasarkan pengamatan yang dijalankan melalui pengtalaahan MPSS selama 4 minggu pertama dalam 14 minggu. Keberhasilan penerapan konsep rupa jiwa ini dapat memberi sentuhan baru kepada semua pelajar seni untuk terus berkarya dan memahami setiap proses dan penghasilan. Kerana setiap permulaan mesti mempunyai titik fokus dan target yang perlu dicapai. Perjuangan dalam penghasilan adalah kesabaran dan disiplin menjadi kunci utama dalam penghasilan sesebuah karya.

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah merupakan sebahagian daripada penyelidikan FRGS /1/2020/SS10/UPSI/01/2 yang bertajuk Pembangunan Model Praktis Studio Seramik Menerusi Manipulasi Penggunaan Semula Mendakan Tanah Lumpur Sungai (MTLS) Sebagai Jasad Tanah Liat Alternatif. dengan kod penyelidikan 2020-0237-107-02. Jutaan terima kasih penghargaan kepada KPT yang telah menaja penyelidikan ini.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Husain 2003- Kesinambungan Manifestasi Rupa Dan Jiwa Melayu Dalam Karya Seni 3-Dimensi Dari Perspektif Seni Halus Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Harozila Ramli, Tajul Shuhaimi Said & Mohd Fauzi Sedon @ M. Dom 2014, Catan Batik Najib Dawa, Jurnal Seni dan Pendidikan Seni ISSN 2289-4640 / Vol. 2 (2014) / (62-68)
- Mohd Zahamri 2010 'Rupa dan Jiwa' ini hanyalah merupakan catatan kecil seorang pencinta seni. <http://rupa-jiwa.blogspot.com/2010/12/pengenalan-rupa-jiwa.html>
- Muhammad Safwan Mohd Shariff, Tajul Shuhaimi Said, Harozila Ramli 2021, Aplikasi Model Praktis Studio Seramik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah Terhadap Penerokaan Kreatif Dan Kritis Berasaskan Tanah Liat Alternatif, Jurnal Dunia Pendidikan, Vol 3 No 3 (2021): Sep 2021
- Safwan Shariff 2020 Eksperimentasi tanah liat habu sebagai refleksi kreatif seni seramik kontemporari, KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni ISSN 2289-4640 /eISSN 0127-9688 /Vol. 8 No.1 (2020) / (35-42)
- Ramli, Harozil., Said, Tajul Shuhaimi., Hazman, Mohamad NurHanif Bin; Malek, Syamrul Nizam Abdul; Hussin, Ridzuan 2019.The Development And Evaluation Of An Interactive Multimedia Module For The Topic Of Art Elements Of The Visual Art Education Subject International Journal of Innovation, Creativity and ChangeVolume 10, Issue 6, Pages 246 – 258.
- Tajul Shuhaimi Said dalam Mengenali Tanah Liat dan Jasadan dalam Mohd Johari Ab. Hamid (2006) (ed.) Metodologi pendidikan seni visual, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, hlm.101.
- Tajul Shuhaimi Said 2017, Estetika Tembikar Tradisi Mambong, Kelantan, Universiti Pendidikan Sultan Idris